

AZIMAT BERKAITAN PEREMPUAN DALAM KITAB *MUJARRABAT MELAYU*

Oleh

**Yusmilayati Yunos dan Noriah Mohamed
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
UKM Bangi**

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan beberapa jenis azimat yang melibatkan gender perempuan. Azimat atau jimat di dalam bahasa Jawa adalah sesuatu yang digunakan sebagai pelindung, pengasih, pembenci, penjagaan kesihatan dan sebagainya. Lumrahnya azimat berbentuk tulisan atau rajah yang dilukiskan pada kertas, kain putih, buah-buahan, daun dan kulit binatang. Sekiranya dibuat dalam bentuk tulisan, azimat terdiri daripada ayat-ayat suci al-Quran atau huruf Jawi yang disusun agar matlamat penggunaan azimat itu tercapai. Azimat juga boleh dilihat dalam bentuk rajah yang dilukis dengan huruf Jawi dengan lambang tertentu. Sehubungan dengan itu, azimat dipercayai mempunyai kuasa sakti dan dipakai untuk tujuan tertentu. Seseorang yang memakainya akan merasa yakin terhadap azimat tersebut kerana percaya ia dapat melindungi mereka daripada pelbagai bencana atau untuk mendapatkan sesuatu matlamat atau hajat. Keberkesanan atau kemujaraban azimat dikatakan bergantung kepada beberapa faktor seperti keyakinan pemakai, penyediaan azimat, cara menggunakannya dan kebersihan azimat itu sendiri. Sesetengah pengamal pula mensyaratkan keberkesanan azimat bergantung kepada waktu azimat ditulis, menulis dalam keadaan berwuduk dan tidak bercakap ketika proses azimat ditulis. Namun begitu, dalam penulisan ini azimat yang dibincangkan tertumpu kepada azimat yang melibatkan kaum perempuan sahaja kerana sesuai dengan mukadimah kitab *Mujarrabat Melayu* yang menyatakan perihai ubat mengubat untuk lelaki dan perempuan..

Kata kunci: Azimat, *Mujarabat Melayu*, gender, pelindung, pengasih